




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
Aras 3, Bangunan Dato' Jusuf Muhammad, Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri, Johor

Telefon: 07-266 6116/07-290 8222 Faks: 07-290 8111/07-290 9888
Website: www.johor.gov.my/sukj Email: sukjkorparat@johor.gov.my



ستياوسها كراجان جوهر
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Sila nyatakan rujukan hilangan kami
apabila menjawab.



Bil.(7) dlm SUKJ.100-2/1/14
27 April 2017

SEGERA DAN FAKS

Edaran Sebagaimana Lampiran

Pendaftar
hebahan staf

**PEKELILILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR, BILANGAN 2 TAHUN 2017,
PELAKSANAAN ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH (MENCEGAH
PENGUNAAN TIDAK WAJAR) JOHOR 2017 SERTA PENGUNAAN JATA
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekelililing Am Kerajaan Negeri Johor, Bilangan 2 Tahun 2017, Pelaksanaan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 serta Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor** untuk makluman dan tindakan Y.B. Dato' / Tuan / Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan,
Johor

s.k Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM**

BIL

JABATAN

- 1 KETUA POLIS NEGERI JOHOR
POLIS DIRAJA MALAYSIA
PEJABAT KETUA POLIS JOHOR
80990 JOHOR BAHRU
- 2 PANGLIMA 7 BRIGED
MARKAS BRIGED KETUJUH INFANTRI MALAYSIA, KEM MAHKOTA
86000 KLUANG
JOHOR
- 3 NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
KARUNG BERKUNCI 791
80990 JOHOR BAHRU
- 4 PENGARAH KERJA RAYA
JABATAN KERJA RAYA NEGERI
ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK, KOTA ISKANDAR
79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR
- 5 PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR
TINGKAT 4, BLOK B, WISMA PERSEKUTUAN
80590 JOHOR BAHRU
- 6 PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN JOHOR
JALAN TUN ABDUL RAZAK
80604 JOHOR BAHRU
- 7 PENGARAH PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR
PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI
SUITE 11A & 11B
NO. 65, JALAN TERUS, MENARA ANSAR
80000 JOHOR BAHRU
- 8 PENGARAH
SURUHANJAYA, PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA NEGERI JOHOR (SPRM)
KOMPLEKS SPRM, JALAN PERSIARAN TANJUNG
81200 TAMPOI
JOHOR BAHRU
- 9 PENGARAH PENGAIRAN DAN SALIRAN JOHOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI
ARAS 3, BANGUNAN DATO' MOHAMAD IBRAHIM MUNSUYI
KOTA ISKANDAR
79000 NUSAJAYA
- 10 NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BEG BERKUNCI 101
84600 PARIT RAJA
BATU PAHAT





**PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

**PELAKSANAAN ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH
(MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) JOHOR 2017 SERTA
PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada orang awam berkenaan dengan pelaksanaan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 serta penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor.

2. TAFSIRAN

2.1 Bagi maksud pekeling ini –

“*anugerah*” ertinya apa-apa Darjah, Tanda Kemuliaan dan Kebesaran yang dikurniakan oleh Raja, yang ditetapkan dalam ruang (1) Jadual Kedua dalam Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 atau yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Johor* ;

“*enakmen*” ertinya Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 ;

"gelaran" ertinya apa-apa gelaran yang dikurniakan oleh Raja, yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama dalam Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 atau yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor*;

"lambang" ertinya apa-apa lambang, mohor, bendera Diraja, tanda kebesaran, jata atau gambaran yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama dalam Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 atau yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor*.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Bagi menjunjung titah DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, satu undang-undang telah digubal bagi tujuan mencegah penggunaan tidak wajar berkenaan lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Johor. Penggubalan Enakmen ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri bagi memartabatkan institusi DiRaja dan diharap dapat membanteras penyalahgunaan lambang, gelaran serta anugerah yang ada di Negeri Johor ini.
- 3.2 Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 telah mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri Johor yang bersidang pada 9 Mac 2017. Seterusnya, Enakmen ini telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 16 Mac 2017.

4. **PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN LAIN-LAIN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH**

- 4.1 Segala bentuk penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor termasuk dalam segala pembuatan dan penjualan cenderamata serta pakaian, mempamer pada mana-mana bangunan, mencetak kepala surat, baju korporat, cenderamata korporat seperti pen, beg kertas, lanyard, notepad dan lain-lain yang berkaitan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor kecuali kepada Jabatan Kerajaan Negeri seperti di **LAMPIRAN A**.
- 4.2 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia berkenaan dengan penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor.
- 4.3 Permohonan kebenaran bagi penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Enakmen ini hendaklah dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) dengan menggunakan Borang Permohonan Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor seperti di **LAMPIRAN B**.
- 4.4 Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan Jata Kerajaan Negeri Johor hendaklah dibuat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) tidak kurang daripada dua(2) bulan sebelum cadangan tarikh penggunaan atau pemakaiannya.
- 4.5 Penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor adalah dibenarkan bagi program atau majlis rasmi kerajaan tetapi hanya setakat bagi tempoh program dan majlis rasmi tersebut berlangsung sahaja.
- 4.6 Lain-lain penggunaan berkenaan lambang, gelaran dan anugerah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua selain daripada Jata Kerajaan Negeri Johor perlu mendapat kebenaran dari Jabatan DiRaja Johor.

4.7 Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan lain-lain Lambang, Gelaran dan Anugerah ini hendaklah dibuat ke Jabatan DiRaja Johor tidak kurang daripada tiga(3) bulan sebelum cadangan tarikh penggunaan atau pemakaiannya.

4.8 Permohonan kebenaran bagi penggunaan lain-lain Lambang, Gelaran dan Anugerah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Enakmen ini hendaklah dikemukakan ke Jabatan DiRaja Johor dengan menggunakan Borang Permohonan Penggunaan Lambang, Gelaran dan Anugerah seperti di **LAMPIRAN C**.

5. **TEMPOH 'COOLING PERIOD'**

5.1 Bagi mengambil kira kesedaran orang awam berkenaan dengan pewujudan Enakmen ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberikan tempoh selama 60 hari sebagai satu tempoh '*cooling period*' mulai daripada tarikh pekeliling ini berkuat kuasa.

5.2 Tempoh '*cooling period*' ini adalah untuk memberi peluang kepada orang awam agar mengambil maklum dan bersedia untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Enakmen ini, sebelum penguatkuasaan Enakmen ini dikuat kuasakan sepenuhnya apabila cukup tempoh 60 hari itu tamat.

5.3 Tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini selepas tempoh '*cooling period*' ini tamat.

6. **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh 2 MEI 2017.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling Am ini boleh dirujuk terus kepada:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Aras 1, Bangunan Dato' Jaffar Muhammad,
Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri, Johor

No.Tel : 07-266 6070 / 07-266 6071
No.Fax: 07-290 9955 / 07-290 9022

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan,
Johor.

Tarikh : **27** April 2017

LAMPIRAN A

**JABATAN-JABATAN YANG DIBENARKAN BAGI HAL-HAL
PENGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR**

BIL	JABATAN
1.	Pejabat Menteri Besar Johor
2.	Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Johor
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Audit Dalam
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Integriti
6.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Pengurusan SSI
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Undang-Undang
8.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN)
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan)
10.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Kerajaan Tempatan)
11.	Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor
12.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan)
13.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
14.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan)
15.	Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)
16.	Jabatan Landskap Johor
17.	Perbendaharaan Negeri Johor
18.	Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
19.	Pejabat Daerah Johor Bahru
20.	Pejabat Daerah Muar
21.	Pejabat Daerah Batu Pahat
22.	Pejabat Daerah Segamat
23.	Pejabat Daerah Kluang
24.	Pejabat Daerah Pontian
25.	Pejabat Daerah Kota Tinggi
26.	Pejabat Daerah Mersing
27.	Pejabat Daerah Tangkak
28.	Pejabat Daerah Kulai
29.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor
30.	Pejabat Tanah Johor Bahru
31.	Pejabat Tanah Muar
32.	Pejabat Tanah Batu Pahat
33.	Pejabat Tanah Segamat

BIL	JABATAN
34.	Pejabat Tanah Kluang
35.	Pejabat Tanah Pontian
36.	Pejabat Tanah Kota Tinggi
37.	Pejabat Tanah Mersing
38.	Pejabat Tanah Tangkak
39.	Pejabat Tanah Kulai
40.	Pejabat Daerah/Tanah Daerah Kecil Labis
41.	Pejabat Daerah/Tanah Daerah Kecil Pengerang
42.	Pejabat Daerah/Tanah Daerah Kecil Rengit
43.	Pejabat Tanah Daerah Yong Peng
44.	Majlis Bandaraya Johor Bahru
45.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
46.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang
47.	Majlis Perbandaran Batu Pahat
48.	Majlis Perbandaran Kulai
49.	Majlis Perbandaran Kluang
50.	Majlis Perbandaran Muar
51.	Majlis Daerah Kota Tinggi
52.	Majlis Daerah Labis
53.	Majlis Daerah Mersing
54.	Majlis Daerah Pontian
55.	Majlis Daerah Segamat
56.	Majlis Daerah Simpang Renggam
57.	Majlis Daerah Tangkak
58.	Majlis Daerah Yong Peng
59.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
60.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
61.	Jabatan DiRaja Johor
62.	Muzium DiRaja Abu Bakar
63.	Kebun Bunga Negeri Johor
64.	Kehakiman Syariah Negeri Johor
65.	Majlis Agama Islam Negeri Johor
66.	Majlis Sukan Negeri Johor
67.	Pejabat Mufti Negeri Johor
68.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor
69.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
70.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim
71.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ)
72.	Yayasan Warisan Johor

BIL	JABATAN
73.	Majlis Kebudayaan Negeri Johor
74.	Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor
75.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti
76.	Perbadanan Islam Negeri Johor
77.	Perbadanan Johor
78.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor
79.	Perbadanan Stadium Negeri Johor
80.	Perbadanan Taman Negara Negeri Johor
81.	Perbadanan Usahawan Johor Sdn.Bhd (PUJB)
82.	Permodalan Darul Ta'zim Sdn.Bhd
83.	PIJ Holdings Sdn.Bhd
84.	Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)
85.	Suara Johor Sdn.Bhd
86.	Timbalan Setia Negeri Johor
87.	Tourism Johor
88.	Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)
89.	Yayasan Pelajaran Johor
90.	YPJ Holdings Sdn.Bhd
91.	Yayasan Kebajikan Negara
92.	Zoo Negeri Johor

LAMPIRAN B

**BORANG PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN MENGGUNAKAN
JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR****PERHATIAN :**

1. Kuasa untuk memberikan kebenaran bagi penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor adalah kuasa DYMM Sultan Johor, yang telah memerintahkan bagi hal-hal berkaitan kawalan penggunaan Jata Kerajaan Johor adalah dikawalselia oleh Setiausaha Kerajaan Johor.
2. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama dengan borang permohonan ini adalah seperti berikut :
 - a) Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - b) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat / Pertubuhan Pemohon
3. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan Jata Kerajaan Negeri Johor hendaklah dibuat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) tidak kurang daripada dua(2) bulan sebelum cadangan tarikh penggunaan atau pemakaiannya.
4. Permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) di alamat berikut:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Aras 1, Bangunan Dato' Jaffar Muhammad,
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor
(U.P: Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan)

No.Tel : 07-266 6070 / 07-266 6071

No.Fax: 07-290 9955 / 07-290 9022

BAHAGIAN A

1. KETERANGAN PEMOHON

1.1 Nama Penuh Pemohon

.....
.....

1.2 No. Kad Pengenalan

1.3 Alamat Surat Menyurat

.....
.....
.....
.....

1.4 Alamat Pejabat

.....
.....
.....
.....

1.5 No. Telefon :(Pejabat).....(Rumah)

1.6 No. Telefon Bimbit :

1.7 No. Faks :

BAHAGIAN B

2. KETERANGAN PERNIAGAAN / SYARIKAT / PERTUBUHAN

2.1 Nama Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan

.....
.....

2.2 Alamat Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan

.....
.....
.....
.....

2.3 No. Pendaftaran : Tarikh Pendaftaran:.....
(Sila sertakan salinan)

2.4 Aktiviti / Jenis Perniagaan

.....
.....
.....
.....

2.5 No. Telefon : (Pejabat)..... (Rumah)

2.6 No. Telefon Bimbit :

2.7 No. Faks :

BAHAGIAN C

3. KETERANGAN MENGENAI PENGGUNAAN JATA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3.1 Nyatakan tujuan pemakaian / penggunaan

.....
.....
.....
.....

3.2 Sebutkan tempat pemakaian / penggunaan

.....
.....
.....

3.3 Tempoh masa pemakaian / penggunaan

.....
.....

BAHAGIAN D

4. PERAKUAN PEMOHON

Saya No.
Kad Pengenalan :mengaku
dan mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan adalah benar.
Saya juga mengakui akan mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-
syarat penggunaan Jata Kerajaan Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan
dalam Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan
Tidak Wajar) Johor 2017.

Tarikh :

.....
(Tandatangan)

LAMPIRAN C

**BORANG PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN MENGGUNAKAN
LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH NEGERI JOHOR****PERHATIAN :**

1. Kuasa untuk memberikan kebenaran bagi penggunaan Lambang, Gelaran dan Anugerah adalah kuasa DYMM Sultan Johor, yang telah memerintahkan bagi hal-hal berkaitan kawalan penggunaan Lambang, Gelaran dan Anugerah yang dinyatakan dalam Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 selain dari Jata Kerajaan Negeri Johor adalah dikawalselia oleh Jabatan DiRaja Johor.
2. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama dengan borang permohonan ini adalah seperti berikut :
 - a) Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - b) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan
3. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menggunakan Lambang, Gelaran dan Anugerah selain dari Jata Kerajaan Negeri Johor hendaklah dibuat ke Jabatan DiRaja Johor tidak kurang daripada tiga(3) bulan sebelum cadangan tarikh penggunaan atau pemakaiannya.
4. Permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan DiRaja Johor di alamat berikut :

Jabatan DiRaja Johor,
Aras 1, Bangunan Sultan Ibrahim,
Jalan Bukit Timbalan,
8000 Johor Bahru, Johor.
(U.P: Pengelola Bijaya DiRaja Johor)

No.Tel : 07-222 0351/ 07-222 0415

No.Fax: 07-223 0763

BAHAGIAN A

1. KETERANGAN PEMOHON

1.1 Nama Penuh Pemohon

.....
.....

1.2 No. Kad Pengenalan

1.3 Alamat Surat Menyurat

.....
.....
.....
.....

1.4 Alamat Pejabat

.....
.....
.....
.....

1.5 No. Telefon :(Pejabat).....(Rumah)

1.6 No. Telefon Bimbit :

1.7 No. Faks :

BAHAGIAN B

2. KETERANGAN PERNIAGAAN / SYARIKAT / PERTUBUHAN

2.1 Nama Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan

.....
.....

2.2 Alamat Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan

.....
.....
.....
.....

2.3 No. Pendaftaran : Tarikh Pendaftaran:.....
(Sila sertakan salinan)

2.4 Aktiviti / Jenis Perniagaan

.....
.....
.....
.....

2.5 No. Telefon :(Pejabat).....(Rumah)

2.6 No. Telefon Bimbit :

2.7 No. Faks :

BAHAGIAN C

3. KETERANGAN MENGENAI PENGGUNAAN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH NEGERI JOHOR

3.1 Nyatakan tujuan pemakaian / penggunaan

.....
.....
.....
.....

3.2 Sebutkan tempat pemakaian / penggunaan

.....
.....
.....

3.3 Tempoh masa pemakaian / penggunaan

.....
.....

BAHAGIAN D

4. PERAKUAN PEMOHON

Saya No.
Kad Pengenalan :mengaku
dan mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan adalah benar.
Saya juga mengakui akan mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-
syarat penggunaan Lambang, Gelaran dan Anugerah yang dinyatakan dalam
Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak
Wajar) Johor 2017.

Tarikh :

.....

(Tandatangan)